

KENYATAAN MEDIA

WARGA KPKT RAIKAN YB MENTERI SELEPAS KEJAYAAN MALAYSIA MENJAWAT JAWATAN PRESIDEN UN-HABITAT

PUTRAJAYA, 4 JUN 2025 - Warga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini menyambut kepulangan YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan penuh rasa bangga dan penghargaan susulan kejayaan Malaysia dipilih sebagai Presiden Perhimpunan UN-Habitat yang berlangsung di Nairobi, Kenya baru-baru ini.

Sambutan ringkas tetapi bermakna itu berlangsung di Lobi KPKT, menandakan solidariti dan semangat seluruh warga kementerian terhadap pencapaian penting ini yang meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam usaha membangunkan bandar yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Pemilihan Malaysia sebagai Presiden UN-Habitat merupakan satu pengiktirafan antarabangsa terhadap komitmen negara dalam menerajui agenda pembangunan bandar global selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan. Ini juga merupakan kali pertama Malaysia memegang jawatan tertinggi dalam platform perbandaran paling berprestij di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam ucapan ringkas beliau, YB Menteri menyatakan rasa syukur dan berterima kasih kepada seluruh warga KPKT serta Jabatan dan agensi di bawah kementerian yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh dasar dan inisiatif pembangunan bandar Malaysia di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, “Ini bukan sahaja kejayaan KPKT, tetapi kejayaan seluruh rakyat Malaysia. Amanah ini akan kita galas bersama dengan penuh tanggungjawab demi masa depan bandar-bandar kita”.

Kejayaan ini dijangka membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik antarabangsa, meningkatkan imej Malaysia sebagai pemimpin dalam perancangan dan pembangunan bandar, serta memperkukuh suara negara dalam pelbagai perbincangan dasar peringkat global.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#Ihsan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my